

Umat Islam perlu kembali kepada zaman kecemerlangan lampau



Dalam beberapa siri syarahan, Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar dalam kapasiti beliau sebagai Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengetengahkan pendekatan yang berpotensi untuk memancu umat Islam kembali kepada zaman kecemerlangan lampau di dalam semua bidang khususnya sains, teknologi, kemasyarakatan, ekonomi dan politik.

Pendekatan yang dikenali sebagai 'Epistemologi Tawhid' secara dasarnya merupakan akar tunjang di dalam peradaban Islam, akan tetapi akibat beberapa faktor dalam setelah sekian lama, ia perlu diketengahkan kembali untuk difahami oleh masyarakat Islam.

Epistemologi Tawhid mengandungi dua kata dasar iaitu epistemologi yang merujuk kepada teori ilmu pengetahuan. Sementara Tawhid yang bermaksud pemahaman dan pegangan tentang keesaan Allah sebagai pencipta, Tuhan sekalian alam, tunggal tanpa ada sekutu denganNya, dan mempunyai segala sifat kesempurnaan yang mutlak bagiNya.

Boleh diringkaskan Epistemologi Tawhid ialah pendekatan bersepada terhadap ilmu yang menggabungkan ilmu yang diwahyukan (wahyu) dengan ilmu rasional (*aqli*), menekankan keharmonian serta hubungannya yang tertinggi dengan keesaan Tuhan.

Epistemologi ini berfungsi sebagai asas untuk menangani cabaran kontemporari dalam pendidikan, memupuk kepimpinan beretika dan membina masyarakat yang harmoni berlandaskan nilai-nilai Islam sejagat.

Sebagai penambahan, kerangka Tawhid bukan sekadar bersifat teori tetapi juga praktikal, merangkumi kesedaran individu (pemikiran berdasarkan Tawhid), kesejahteraan



UNIVERSITI Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) secara praktikalnya, adalah sebuah institusi pengajaran tinggi yang ditubuhkan bagi menggabungkan ilmu wahyu dengan sains tulen dan kemanusiaan.

masyarakat secara kolektif (pemikiran sebagai satu umat) dan usaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang etika, intelektual, dan profesional (kecemerlangan sebagai satu umat). Ia bertujuan untuk membimbing individu dan komuniti ke arah pencapaian kejayaan holistik sambil berpegang kepada prinsip-prinsip Islam.

Empat ayat al-Quran pertama di dalam surah *al 'Alaq* yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW merupakan satu petunjuk kepada Epistemologi Tawhid yang mana Allah berfirman: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari sebuku darah bku; Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah; Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan; Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya."

Dengan kata lain, Epistemologi Tawhid yang berakar pada konsep Islam tentang Keesaan Ilahi berupaya menawarkan

kerangka transformasi bagi umat Islam untuk cemerlang dalam bidang teknologi dengan mengkoordinasikan komponen etika, spiritual dan intelektual.

Pendekatan ini mengintegrasikan ilmu yang diwahyukan (*naqli*) dan penyelidikan *aqli*, sambil mendorong inovasi yang selaras dengan nilai-nilai Islam dan keperluan masyarakat.

Epistemologi Tawhid menolak pemisahan antara dunia dan ukhrawi, mendorong umat Islam untuk melihat teknologi sebagai alat bagi memenuhi matlamat material dan spiritual. Berkaitan dengan perkara ini, Allah berfirman di dalam surah *al Jaathiah* ayat 13, "Dan Dia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti."

Dengan mengintegrasikan etika Islam dengan penemuan saintifik ia diharap dapat mencapai antaranya pembangunan teknologi bagi tujuan pemerksaan *maqasid al-syariah*, seperti memelihara kehidupan (*hifz al-nafs*) melalui kemajuan dalam bidang kesihatan atau infrastruktur lestari.

Kedua, penciptaan sistem kecerdasan buatan (AI) beretika yang berpandukan prinsip seperti keadilan, ketelusan, dan akauntabiliti, sambil menghindari kemudaratkan kepada komuniti yang terpinggir.

Ketiga, motivasi untuk penyelarasan ijihad kontemporer dengan teknologi terkini sebagai penyelesaian permasalahan semasa global melalui internet-keberadaan (IoT) dan AI. Ini termasuk permasalahan perpecahan umat, perkauman dan fitnah yang berleluasa.

Keempat, pemerksaan rutin harian amalan di dalam Islam melalui teknologi terkini bagi tujuan penambahbaikan dan penyempurnaan amalan-amalan tersebut.

Secara praktikalnya, sebagai sebuah institusi pengajaran tinggi yang ditubuhkan bagi menggabungkan ilmu wahyu dengan sains tulen dan kemanusiaan, UIAM akan dapat melestarikan pendekatan ini dengan pelan tindakan tuntas yang mampu memastikan umat Islam akan menjadi pemancu kepada teknologi masa hadapan.

Pelan tindakan pertama ialah dari segi penambahbaikan kurikulum semasa universiti bagi setiap kuliah atau fakulti bagi tujuan pelaksanaan Epistemologi Tawhid.

Kemahiran berfikir, pemikiran kreatif dan kritis perlu digarap bagi setiap subjek di setiap kuliah. Ini bagi memastikan graduan yang dihasilkan akan dapat secara kreatif menyumbang kepada penemuan teknologi baharu.

Kedua, Rubrik penilaian perlu dikemas kini bagi setiap program untuk memastikan penilaian bukan sahaja fokus kepada pemindahan maklumat dari otak pelajar ke kertas jawapan peperiksaan tetapi juga penghasilan graduan yang beradab dan berilmu pengetahuan.

Ketiga, al-Quran perlu dirujuk dan dibaca sebagai lensa teknologi untuk mengenal pasti teknologi baharu yang boleh diinspirasikan dari ayat-ayat yang pelbagai. Pendekatan ini memerlukan kolaborasi kepakaran dari ahli akademik pengajian Islam bersama pakar teknologi dari pelbagai kuliah.

Kesimpulannya, pelan tindakan holistik di peringkat kepimpinan negara dan juga di pusat pengajian tinggi amat diperlukan bagi memastikan epistemologi dapat digarap sebagai mekanisme bagi memancu umat Islam sebagai pemimpin teknologi terkini masa hadapan.

Dengan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mana aspek inovasi merupakan salah satu tunjang kepada Malaysia Madani, adalah diharap Epistemologi Tawhid ini akan dapat dihayati di semua peringkat masyarakat Islam di Malaysia dan dunia.

DR. Noor Hasrul Nizam Mohammad Noor ialah Pensyarah Kulliyah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (KICT), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).